

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT RAI 30 PENERIMA SUMBANGAN SEMPERNA TAHUN BAHARU CINA

MELAKA, 25 Januari 2022 – Bagi menyemarakkan sambutan Tahun Baharu Cina, SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) meraikan 30 orang penerima sumbangan melalui program SWM Kasih Misi Sampul Merah yang berlangsung, pada hari ini.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) SWM Environment yang bertujuan untuk berkongsi kegembiraan Tahun Baharu Cina yang bakal disambut pada 1 dan 2 Februari ini bersama golongan yang kurang berkemampuan.

“Sudah menjadi tradisi SWM Environment melalui SWM Kasih untuk menghulurkan sumbangan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik sempena perayaan utama di negara ini. Bagi sambutan Tahun Baharu Cina tahun ini, SWM Environment meraikan 30 penduduk dari kategori B40 di kawasan Ayer Limau, Melaka, yang turut disertai oleh Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer”.

“Ada dalam kalangan penerima sumbangan ini merupakan mangsa banjir yang melanda Melaka, baru-baru ini. Jadi diharapkan sumbangan kecil ini dapat memberi keceriaan dan memeriahkan lagi sambutan Tahun Baharu Cina mereka meskipun baru dilanda musibah banjir,” katanya.

Tambah Mohd Norlisam, pihak SWM Environment turut memanfaatkan program bersama masyarakat seumpama ini dengan aktiviti kesedaran awam dan pendidikan kepada penduduk setempat mengenai kepentingan mengelakkan pembaziran makanan semasa musim perayaan.

“SWM Environment berharap agar orang ramai tidak membazirkan makanan pada setiap masa supaya sisa makanan yang terhasil untuk dilupuskan di tapak pelupusan dapat dikurangkan. Sempena musim perayaan ini juga, marilah kita bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran di rumah dan kawasan awam serta memupukkan budaya Pengasingan Sisa di Punca (SAS) serta aktiviti 3R (kurangkan janaan sisa, guna semula, dan kitar semula),” katanya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam sepanjang tempoh sambutan Tahun Baru Cina ini, boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 dan Talian WhatsApp SWM di 012-618 0082.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com